



Siswa Sulung 2.0 UPSI mesti tingkatkan keterampilan

Tanjong Malim, 9 Julai - Mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang terpilih menerima pembiayaan pendidikan di bawah Program Siswa Sulung 2.0 perlu mengukuhkan keterampilan bagi menghadapi cabaran global.

Naib Canselor, Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff, berkata semua mahasiswa di bawah program itu wajar menguasai sekurang-kurangnya tiga bahasa bagi menyerlahkan keterampilan mereka selepas bergraduat. Beliau berkata, mereka juga perlu menjadi benteng hadapan menyumbang kepada fakulti dalam menjulang kecemerlangan fakulti masing-masing.

"Saya juga inginkan mahasiswa program ini menguasai pelbagai kemahiran seperti

yang didedahkan oleh universiti sepanjang pengajian mereka," katanya ketika melancarkan Program Siswa Sulung 2.0 hari.

Seramai 116 mahasiswa yang semuanya dari keluarga B40 menerima replika cek pembiayaan pendidikan untuk menampung pengajian mereka. Md Amin berkata, mahasiswa Program Sulung 2.0 mendapat manfaat pengecualian lima yuran.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



Maal Hijrah Tingkat Ilmu Jadi Insaniah Terbaik

Tanjong Malim, 10 Julai-Majlis Sambutan Awal Muharam 1446H/2024 Peringkat Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) diisi dengan slot ceramah bertempat di Dewan Solat Utama, Masjid Al-Mursyidin, Kampus Sultan Azlan Shah, UPSI. Majlis anjuran Pusat Islam UPSI dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Pelajar

ini dihadiri kira-kira seramai 100 orang warga UPSI yang disampaikan oleh Perunding Motivasi & Pendakwah, Ustaz Zul Ramli Mohamed Razali bertajuk 'Mulanya di Sini'. Beliau di dalam ceramahnya berharap agar semua warga UPSI yang hadir ke majlis ini mempelajari ilmu yang bermanfaat selari dengan

tajuk ceramahnya. Menurut beliau lagi, menegaskan agar sentiasa bersungguh-sungguh dalam mencari ilmu kerana ia menjadi kewajiban dalam setiap diri masing-masing. Majlis ini diakhiri dengan sesi soal jawab dan sesi fotografi. Turut hadir, Pendaftar UPSI, Helmi Zaifura Abdul Rahman.



Kunjungan Hormat Institut Pendidikan Indonesia Garut

Tanjong Malim, 9 Julai - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menerima kunjungan hormat dari delegasi Institut Pendidikan Indonesia Garut (IPI Garut) dalam usaha meningkatkan hubungan kerjasama di antara IPI Garut dengan UPSI selain mengukuhkan jalinan kerjasama antarabangsa dengan lebih erat di antara universiti.

Selain itu, kedua-dua pihak berpeluang membincangkan dan membentangkan potensi kerjasama yang boleh dilaksanakan bersama selain membantu visibiliti UPSI sebagai universiti pendidikan di Malaysia.

Dalam lawatan tersebut, wakil delegasi IPI Garut telah membuat pembentangan akademik bersama

wakil pensyarah dan pelajar. Turut hadir, Pengarah Akademik & Antarabangsa, Profesor Madya Dr. Ridzwan Che Rus, Timbalan Pengarah 1, Pusat Antarabangsa dan Mobiliti, Dr. Nor Fadila Kasim, wakil Institut Pengajian Siswazah, wakil Fakulti Sains dan Matematik serta wakil dari Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UPSI.

Menyantuni Waris Allahyarham Dr. Mohd Muzafar Shah bin Mohd Razali



Lawatan Penanda Aras DRB-Hicom University of Automotive Malaysia ke UPSI

Tanjong Malim, 12 Julai-Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melalui Pusat Latihan Mengajar (PULAMI) menerima kunjungan hormat daripada Naib Canselor DRB-HICOM University of Automotive Malaysia di Bangunan Canselor, Kampus Sultan Abdul Jalil Shah, UPSI.

Lawatan ini bertujuan untuk memberi penerangan yang lebih jelas tentang cadangan pelaksanaan Latihan Industri Berstruktur bagi beberapa kluster tumpuan seperti Reka bentuk, Perakaunan, komunikasi Korporat, Perisian Komputer dan Teknologi Maklumat yang melibatkan beberapa fakulti antaranya Fakulti Kelestarian dan Industri Kreatif (FSKIK), Fakulti

Komputeran dan Meta-Teknologi (FKMT), Fakulti Bahasa dan Komunikasi (FBK) dan Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE). Dengan adanya kolaborasi ini pelajar akan mendapat lebih banyak peluang dan pilihan untuk mendapatkan tempat latihan industri yang bersesuaian dengan mereka.

Konvensyen dan Persidangan Tahunan Persatuan Guru Besar Malaysia Negeri Perak 2024



UPSI BERDUKA

www.upsi.edu.my UPSIMalaysia upsi_malaysia UPSI_Malaysia upsi_malaysia

إِنَّا لِلّٰهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ

"DariNya kita datang dan kepadaNya juga kita kembali"

TAKZIAH

kepada seluruh keluarga

ALLAHYARHAMAH
NUR FARAH KARTINI BINTI
ABDULLAH

ALUMNI GRADUAN IJAZAH SARJANA MUDA
PENDIDIKAN (MULTIMEDIA) DENGAN KEPUJIAN

telah pulang ke rahmatullah pada

15 JULAI 2024 (ISNIN)

Semoga rohnyanya dicucuri rahmat & ditempatkan dalam kalangan mereka yang beriman

Ikhlas daripada
Pengerusi dan Ahli LPU, Naib Canselor, Barisan Pengurusan
Universiti serta seluruh warga UPSI

#DEMI UPSI